

on 03 September 2013.

'UNIMAS hadiah untuk arwah ibu bapa saya'

Kota Samarahan: Pada saat pelajar lain gembira ditemani keluarga masing-masing mendaftar masuk ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam, seorang anak yatim piatu hanya mampu menahan sebak.

Pelajar Sarjana Muda Sains Sosial, Nur Fazliana Che Mat, 20, dari Tumpat, Kelantan, terpaksa bersendirian kerana ibu bapanya meninggal dunia akibat kemalangan tahun lalu.

Dalam kesedihan itu, Fazliana tetap berbangga kerana

na dapat menunaikan impian ibu bapanya yang sangat berharap dia dapat menyambung pengajian ke universiti untuk membantu adik-adiknya pada masa depan.

Hadiah terbesar

"Walaupun kejayaan ini tidak dapat diraikan bersama ibu dan ayah, namun saya menganggap pendaftaran hari ini adalah hadiah terbesar buat kedua-dua mereka yang sudah tiada.

"Saya sendiri pernah putus harapan mengenangkan na-

sib yang menimpa keluarga, namun peluang keemasan yang diperoleh ini, tidak akan saya sia-siakan demi masa depan lebih baik," katanya ketika mendaftar diri di kolej kediaman semalam.

Duit sendiri

Fazliana berkata, dia terpaksa bergantung kepada duit hasil titik peluh sendiri bekerja sebagai pelayan sebuah kedai makan di kampungnya.

"Sebaik saja menamatkan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), saya bekerja sebagai pelayan kedai makan bagi menampung perbelanjaan harian sambil mengumpul duit.

"Alhamdulillah, duit diberikan saudara mara yang berempati dan simpanan terkumpul cukup bagi membeli tiket penerbangan serta barang keperluan lain untuk memulakan pengajian," katanya.



“*Saya sendiri pernah putus harapan mengenangkan nasib yang menimpa keluarga, namun peluang keemasan yang diperoleh ini, tidak akan saya sia-siakan demi masa depan lebih baik”*

Nur Fazliana Che Mat,
Pelajar UNIMAS